

23 JUN 2002

Fadzil-Takziah

TPM, PEMIMPIN BN UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA FADZIL NOOR

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan takziah bagi pihak dirinya dan kerajaan kepada anggota keluarga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, yang meninggal dunia di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras, di sini, hari ini.

"Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas roh allahyarham," katanya ketika diminta mengulas kematian Fadzil di unit rawatan rapi HUKM pada kira-kira 10.30 pagi.

Abdullah ditemui pemberita selepas merasmikan perkhidmatan KLIA Transit dari Stesen KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang. Majlis itu diadakan di Stesen Bandar Tasik Selatan.

Beliau berkata kerajaan bersetuju supaya jenazah allahyarham dibawa pulang ke Alor Setar, Kedah untuk pengebumian dengan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Fadzil, 65, menjalani pembedahan pintasan koronari di HUKM pada 10 Jun lepas. Allahyarham meninggalkan seorang isteri Datin Siti Khatijah Ibrahim dan lapan orang anak.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu ketika dihubungi turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga allahyarham.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain melahirkan rasa dukacita apabila mendengar berita kematian itu.

Pengerusi MCA Kedah Datuk Beh Heng Seong, yang juga anggota Exco kerajaan negeri, semasa dihubungi berkata kematian Fadzil merupakan satu kehilangan bagi politik Kedah.

"Saya mengenali beliau sebagai pemimpin yang bersopan dan senang didekati walaupun beliau dari parti pembangkang," katanya.

Sementara itu di MUAR, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Fadzil merupakan seorang ahli politik yang bersikap sederhana.

Allahyarham juga menghidupkan suasana amalan demokrasi di negara ini, katanya semasa berucap merasmikan Muzium Herba Dan Rempah Ratus Nasuha di sini.

Di SEREMBAN, Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan Barisan Nasional (BN) negeri Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata beliau terkejut mendengar berita kematian Fadzil.

"Semua pihak pun merasakan kehilangan Allahyarham kerana sebagai seorang ahli politik, Allahyarham juga memainkan peranannya sendiri," katanya.

Di KOTA KINABALU, Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata kematian Fadzil dirasai oleh semua pihak sebagai satu kehilangan pemimpin politik yang profesional dalam pembawaannya di kalangan anggota Parlimen.

"Kita kehilangan ahli pembangkang di Parlimen dan saya menyampaikan takziah kepada keluarga beliau," kata Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan UPKO bahagian Gaya, di sini.

Di KUCHING, Naib Presiden Kanan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Datuk William Mawan mengucapkan takziah kepada keluarga allahyarham Fadzil.

Presiden PAS itu adalah seorang pemimpin pembangkang yang sederhana dalam pendekatan politiknya, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Kebangsaan SNAP di sini, hari ini.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menyifatkan kematian Fadzil sebagai kehilangan kepada politik tanah air.

Tokoh pembangkang itu antara mereka yang telah mewarnai arena politik negara dan kehilangannya amat dirasakan, katanya semasa menghubungi Bernama dari Kuala Lumpur, hari ini.

Di PULAU PINANG, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik berkata ketiadaan Presiden PAS, yang juga ketua pembangkang di Parlimen itu, pasti akan dirasakan oleh keseluruhan anggota parlimen.

"Bagi pihak Gerakan, saya berharap ucapan takziah ini sekurang-kurangnya dapat meredakan kesedihan kaum keluarganya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Pulau Pinang 2002 di sini, hari ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang ditemui pada majlis yang sama turut mengucapkan takziah kepada keluarga allahyarham.

Walaupun tidak mengenali Fadzil secara dekat, Koh percaya allahyarham merupakan seorang pemimpin yang dihormati oleh anggota PAS dan rakan-rakannya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Negeri, Datuk Sharipah Aminah Syed Mohamad berkata pergerakan itu sedih dengan kematian Presiden PAS itu.

Di IPOH, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyifatkan kematian Fadzil sebagai satu kehilangan kepada negara.

Walaupun menganggotai parti pembangkang, allahyarham turut memainkan peranan dalam pembangunan negara, katanya.

"Walaupun kami berada di pihak yang berlainan tetapi sebagai ketua pembangkang beliau memainkan peranan yang penting menegur kerajaan. Sebagai sebuah negara demokrasi peranan pembangkang memang penting," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Perak, di sini hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata beliau menghargai usaha Fadzil dan kerajaan yang bersama-sama berusaha untuk membangunkan negara sehingga ke tahap yang baik pada hari ini.

Di PETALING JAYA, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhammad Taib berkata beliau berasa sedih dengan kematian Fadzil, yang kali terakhir ditemuinya semasa syarahan perdana menyokong hak kemanusiaan rakyat Palestin di Dewan Bahasa dan Pustaka, Mei lepas.

"Saya rasa sedih dan mengucapkan takziah kepada keluarga allahyarham... semoga allahyarham dikenang sebagai pemimpin PAS yang konsisten dalam perjuangannya," katanya semasa menghantar jenazah Fadzil di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang dekat sini.

Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Shahrizat Jalil yang hadir sama turut mengucapkan takziah kepada keluarga allahyarham Fadzil.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh mengucapkan takziah kepada keluarga Fadzil atas pemergiannya.

Beliau mendoakan roh Fadzil dicucuri rahmat dan meminta semua pihak yang mengenali Fadzil memaafkan segala kesilapan allahyarham.

Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu Husain Awang berkata pemergian Presiden PAS itu merupakan satu kehilangan besar bagi negara sebagai pemimpin agama.

"Beliau (Fadzil) merupakan pemimpin yang berkaliber dan beliau diperakui sebagai pemimpin gerakan Islam bagi Asia Tenggara," katanya kepada Bernama.

Para pemimpin parti pembangkang turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Fadzil.

Naib Presiden Parti Keadilan Nasional Azmin Ali berkata pemergian Fadzil merupakan satu kehilangan besar kepada umat Islam bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat antarabangsa.

Katanya Fadzil seorang tokoh yang sederhana dan telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan umat Islam di negara ini.

"Ini juga kehilangan besar kepada Barisan Alternatif (BA) kerana beliau telah banyak memberi sumbangan kepada usaha menyatukan badan-badan dalam BA," katanya kepada Bernama di sini.

Di MELAKA, Parti DAP menyifatkan kematian Fadzil sebagai satu kehilangan besar bagi perjuangan parti pembangkang.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock menyifatkan Presiden PAS itu sebagai seorang yang mudah diajak berbincang.

"Beliau seorang yang baik. Saya kenal dia sejak 1998, sewaktu perbincangan dalam Barisan Alternatif (BA).. perbincangan antara PAS dan DAP," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata Fadzil mempunyai cara yang tersendiri dalam menangani apa juga isu yang berbangkit.

"Saya ucapkan takziah kepada keluarga allahyarham," katanya.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Ahmad Azam Abdul Rahman berkata pemergian Fadzil amat dirasai oleh pergerakan itu.

"Selaku Presiden PAS dan juga Mantan Pimpinan ABIM, Allahyarham Fadzil telah banyak menyumbang ke arah mengangkat martabat ummah dan kepimpinan beliau dihormati di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Di KOTA BAHARU, Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau kehilangan rakan politik berikutan kematian Fadzil yang dikenalnya sebagai seorang pemimpin yang baik budi, berpandangan jauh dan bernas fikirannya.

Katanya bukan sahaja PAS malahan politik negara juga pasti akan terasa kehilangan Fadzil selaku Ketua Pembangkang.

"Ini adalah pertama kali kita mendapat orang Melayu selaku ketua pembangkang. Sekarang ini barang kali sukar bagi PAS untuk cari pengganti pemimpin yang berfikiran sederhana.

"Saya harap jangan ada pihak (dalam PAS) yang cuba untuk melantik seseorang yang berpandangan ekstrem berbanding yang telah ditunjukkan oleh allahyarham Fadzil," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tengku Razaleigh berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Fadzil telah menunjukkan Umno dan PAS masih mempunyai pendirian sama bagi sesuatu isu apabila bersama berjuang bagi kepentingan rakyat Islam Palestin yang ditindas dalam satu majlis bersama bulan lepas.

Katanya daripada majlis itu, Umno dan PAS telah menunjukkan kepada dunia bahawa orang Islam negara ini mampu bersatu bagi menegakkan kepentingan agama.

-- BERNAMA

RAR NAK